



MOTAC 360°



EDISI 7: 16 - 30 NOVEMBER 2024



MEDIA BRIEFING SESSION

FOR ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY (ASCC) IN CONJUNCTION OF
ASEAN-MALAYSIA CHAIRMANSHIP 2025

MENARIK DI DALAM

MOTAC HOSTS MEDIA BRIEFING FOR ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY (ASCC) IN PREPARATION FOR ASEAN-MALAYSIA CHAIRMANSHIP 2025

..... 2

YBHC. DATUK WIRA KSU MOTAC HADIR KE MAJLIS PERASMIAN PROGRAM 2 TAHUN KERAJAAN MADANI

..... 4

SOKONGAN KSN DAN KSU MOTAC SERLAHKAN KOMITMEN TERHADAP SENI, BUDAYA DAN PELANCONGAN

..... 5

MOTAC TERIMA SIJIL PENGHARGAAN PROGRAM REFORMASI KERENAH BIROKRASI

..... 6

MAJLIS KEBUDAYAAN NEGARA (MAKEN) SESI 2025-2027: MELESTARI WARISAN, MEMPERKASA BUDAYA

..... 7

59TH MEETING OF ASEAN COMMITTEE ON CULTURE AND INFORMATION (ASEAN-COCI)

..... 8



MOTAC HOSTS MEDIA BRIEFING FOR ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY (ASCC) IN PREPARATION FOR ASEAN-MALAYSIA CHAIRMANSHIP 2025

"This session is a platform for us to share insights into the ASCC's priorities and initiatives for 2025. We look forward to the media's partnership in amplifying these efforts to ensure their success," said YBhg. Datuk Wira Roslan.



28 NOVEMBER 2024 - The Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) hosted a media briefing on the ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) at Kompleks Kraf, Jalan Conlay, Kuala Lumpur. The session marked an important milestone in preparations for Malaysia's ASEAN Chairmanship in 2025.

The briefing was delivered by YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Secretary-General of MOTAC, who outlined the work plan and activities planned under the ASCC Pillar for 2025. As the coordinator for the ASCC Pillar, MOTAC emphasized the pivotal role of the media in promoting awareness and engagement with the ASEAN-Malaysia Chairmanship 2025.

The event was also attended by YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Deputy Secretary-General (Culture) and representatives from ministries and agencies managing sectoral bodies under the ASCC Pillar. Members of the media and senior MOTAC officials were also present. The ASCC Pillar will focus on advancing the socio-cultural agenda of ASEAN, fostering closer ties among member states and driving initiatives that enhance the quality of life for ASEAN citizens.

The media's involvement will be instrumental in highlighting the significance of these efforts as Malaysia leads ASEAN in 2025. MOTAC expressed its gratitude to all participants and reaffirmed its commitment to ensuring a successful ASEAN-Malaysia Chairmanship, with the support of all stakeholders, including the media.





PROGRAM ASPIRASI GENERASI TVET DALAM SEKTOR PELANCONGAN



25 NOVEMBER 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah merasmikan Program Aspirasi Generasi TVET dengan kerjasama *MSU Talent Sync Expo 2024* di Management & Science University, Shah Alam, Selangor.

Program Aspirasi Generasi TVET ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk mengatasi isu kekurangan tenaga kerja dalam sektor pelancongan dan sebagai platform ekosistem yang menghubungkan permintaan tenaga kerja daripada penggiat industri dan penawaran tenaga kerja oleh rakyat tempatan terutamanya golongan belia serta graduan dalam bidang hospitaliti dan pelancongan sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Selain itu, terdapat 26 reruai daripada *Management & Science University* dan pelbagai agensi termasuk Bahagian Pembangunan Industri, MOTAC.

Pertandingan FOTOGRAFI
FESTIVAL KRAF PESONA TEKSTIL

BERMULA 28 NOV. - 7 DIS. 2024

HADIAH KATEGORI GAMBAR TERBAIK: **RM 500**

HADIAH KATEGORI GAMBAR LIKE & SHARE TERTINGGI: PERTAMA **RM 300**, KEDUA **RM 200**, KETIGA **RM 100**

#festivalkrafpesonatekstil2024 #sambutanharibatikmalaysia2024

FESTIVAL KRAF PESONA TEKSTIL
THE ENCHANTING OF CRAFT TEXTILE

28 NOVEMBER - 8 DIS. 2024

KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR

SEMUA DIJEMPUT HADIR / ALL ARE INVITED





PROGRAM 2 TAHUN KERAJAAN MADANI (2TM) DAN KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (RPA) TAHUN 2024

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM 2 TAHUN KERAJAAN MADANI

25 NOVEMBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menghadiri Majlis Perasmian Program 2 Tahun Kerajaan MADANI (2TM) dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam (RPA) Tahun 2024 yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Program 2TM bertemakan **“MADANI Di Hati, Rakyat Disantuni”**, program ini memberi ruang kepada rakyat untuk terlibat secara langsung dalam usaha reformasi kerajaan, di samping menjadi *platform* untuk menterjemah manfaat hasil daripada inisiatif yang dirangka Kerajaan MADANI. Reruai MOTAC turut menampilkan *'showcase'* pencapaian pada tahun 2023 dan 2024 serta menjalankan perkhidmatan terpilih seperti perkhidmatan konsultasi Geran-geran di bawah MOTAC dan konsultasi Kempen **“Visit Malaysia Year 2026”**.

Majlis perasmian ini telah turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah; YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air; YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara; barisan Jemaah Menteri serta Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.





PROGRAM 2 TAHUN KERAJAAN MADANI (2TM) DAN KONVENSyen NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (RPA) TAHUN 2024

TARIKAN UTAMA RERUAI MOTAC DI PROGRAM 2 TAHUN KERAJAAN MADANI (2TM)



24 NOVEMBER 2024 - Aktiviti menarik di reruai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada hari terakhir Program 2 Tahun Kerajaan MADANI (2TM) bertemakan **“MADANI di Hati, Rakyat Disantuni”**, turut menawarkan peluang unik kepada rakyat untuk terlibat secara langsung dalam usaha reformasi kerajaan.

Program ini juga menjadi *platform* penting untuk menonjolkan pencapaian serta manfaat hasil daripada pelbagai inisiatif di bawah Kerajaan MADANI. Reruai ini bukan sahaja menghubungkan rakyat dengan informasi penting tetapi turut memperlihatkan komitmen MOTAC dalam menyokong visi Kerajaan MADANI.


Di samping itu, pelbagai aktiviti interaktif yang menarik telah berlangsung di reruai MOTAC seperti demonstrasi realiti maya (virtual realiti) yang memberi pengalaman pengembaraan destinasi yang mencabar.

SOKONGAN KSN DAN KSU MOTAC SERLAHKAN KOMITMEN TERHADAP SENI, BUDAYA DAN PELANCONGAN



24 NOVEMBER 2024 - Reruai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menerima kunjungan istimewa YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, sempena Program 2 Tahun Kerajaan MADANI (2TM) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) hari ini. Kunjungan beliau amat bermakna dan disambut baik sebagai tanda sokongan terhadap usaha MOTAC dalam memaparkan pencapaian Kementerian dan mempromosikan agenda seni, budaya serta pelancongan negara.

Dalam kesempatan yang sama, YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC, turut melihat keadaan sambutan orang awam terhadap reruai MOTAC dan beramah mesra dengan para petugas yang bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Program ini turut dimeriahkan dengan persembahan istimewa dari Istana Budaya yang menjadi tarikan pengunjung, khususnya pada hari terakhir program ini. Persembahan tersebut bukan sahaja menghiburkan, malah menjadi simbol keindahan seni dan budaya Malaysia yang menjadi tunjang identiti negara.





MOTAC TERIMA SIJIL PENGHARGAAN PROGRAM REFORMASI KERENAH BIROKRASI



24 NOVEMBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menerima Sijil Penghargaan Program Reformasi Kerenah Birokrasi daripada YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, pada 24 November 2024 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). MOTAC merupakan salah satu daripada 13 kementerian yang berjaya menerima sijil tersebut. MOTAC telah berjaya menambah baik garis panduan dan pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan dengan menggunakan Analisa Impak Peraturan yang berjaya mengurangkan bebanan industri

SESI PENYERAHAN SURAT PEMBERIAN GELARAN (NOMENCLATURE) PROFESOR DAN PROFESOR MADYA ASWARA



25 NOVEMBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah ASWARA menyampaikan surat pemberian gelaran (*nomenclature*) Profesor dan Profesor Madya di Pejabat YBhg. Datuk Wira KSU, MOTAC. YBrs. Profesor Dr. Tan Awang Besar, Rektor ASWARA menerima Gelaran PROFESOR dan YBrs. Profesor Madya Ts. Dr. Zulkifli Ab Rashid, Pensyarah Fakulti Pengurusan Seni, Budaya dan Warisan menerima Gelaran PROFESOR MADYA. Turut menerima pemberian gelaran (*nomenclature*) ini iaitu YBrs. Profesor Madya Suzlee Ibrahim @ Sulong, Dekan Fakulti Seni Halus dengan gelaran PEOFESOR MADYA. Turut serta dalam majlis ini, YBrs. Encik Amirudin Mad Yusof, Pendaftar ASWARA. Tahniah dan selamat menjalankan tugas dengan amanah dan tanggungjawab.





MAJLIS KEBUDAYAAN NEGARA (MAKEN) SESI 2025-2027: MELESTARI WARISAN, MEMPERKASA BUDAYA



21 NOVEMBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan berbesar hati melantik YBhg. Tan Sri Hajah Norliza Rofli sebagai Pengerusi Majlis Kebudayaan Negara (MAKEN), bersama 10 individu lain sebagai ahli bagi sesi 2025-2027. Anggota MAKEN ini terdiri daripada ilmuan, budayawan, penggiat dan pentadbir seni budaya yang memiliki pengalaman luas dalam menerajui bidang seni, budaya dan warisan negara.

Sebagai sebuah badan bebas, MAKEN berperanan penting dalam memberikan nasihat strategik, pandangan bernas dan cadangan berinovasi kepada kerajaan. Tugas utama MAKEN adalah memastikan pembangunan seni, budaya dan warisan negara terus maju, selaras dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) dan memenuhi aspirasi nasional. Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira Roslan Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

MOTAC menzahirkan harapan agar pelantikan ini menjadi pemangkin utama dalam merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai sebuah **"Negara Maju Rakyat Berbudaya"**, sekaligus memastikan seni, budaya dan warisan terus dilestarikan sebagai asas kukuh identiti kebangsaan dan kebanggaan seluruh rakyat.

Turut hadir, YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC, YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC, YBrs. Puan Wan Azilawati binti Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC dan Pengurusan Tertinggi MOTAC.



PROGRAM KESIHATAN MENTAL ANJURAN UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI, BPSM MOTAC

14 NOVEMBER 2024 - Program Kesihatan Mental dengan tema **"Mental Wellness in Workplace"** anjuran Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah diadakan di Dewan Sanggar Pujangga MOTAC.

Program ini melibatkan 150 orang peserta daripada MOTAC, wakil Ibupejabat Polis Daerah Putrajaya dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Program ini telah menampilkan empat (4) penceramah mengikut kepakaran masing-masing iaitu YBhg. Dato' Ustazah Siti Nor Bahiyah binti Mahamood, Ustaz Wan Akashah bin Wan Abdul Hamid, YBrs. Dr. Alizi bin Alias dan YBrs. Prof. Madya Dr. Aida Syarinaz binti Ahmad Adlan.

Antara objektif program tersebut adalah memantapkan pengetahuan tentang pencegahan dan pengesanan awal penyakit mental, memberi penekanan dalam aspek penjagaan kesihatan mental dalam kalangan warga MOTAC bagi mewujudkan suasana kerja yang sihat dan kondusif serta mengurangkan tanggapan dan stigma negatif berkait penyakit mental serta mencegah cubaan bunuh diri.





59TH MEETING OF ASEAN COMMITTEE ON CULTURE AND INFORMATION (ASEAN-COCI)



28 NOVEMBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) berjaya mendapatkan peruntukan sebanyak USD50,490.00 untuk melaksanakan projek kebudayaan **"The Best of ASEAN Performing Arts (BoAPA) 2025"** bertajuk **"ASEAN Cultural Seed: Nurturing Cultural Leaders"** pada tahun 2025 yang akan dibiayai bawah **ASEAN Cultural Fund (ACF)**. Kelulusan tersebut diperoleh dalam **"Mesyuarat ASEAN-COCI Sub-Committee on Culture Ke-59 (ASEAN-COCI)"** yang diadakan di Phnom Penh, Cambodia pada 27 hingga 28 November 2024.

Mesyuarat ASEAN-COCI merangkumi dua (2) badan sektoral iaitu **"Sub-Committee on Culture (SCC)"** yang bertanggungjawab terhadap sektor kebudayaan dan **"Sub-Committee on Information (SCI)"** bagi sektor penerangan. Mesyuarat tahunan ini berfungsi sebagai platform bagi Negara Anggota ASEAN (AMS) untuk merancang, melaksanakan dan memantau projek-projek yang diluluskan serta ditaja oleh ASEAN-COCI. **"The Best of ASEAN Performing Arts (BoAPA)"** merupakan projek **"signature"** yang akan dilaksanakan oleh MOTAC sempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025. BoAPA dijangka akan menjadi tarikan utama bagi mempamerkan kekayaan warisan budaya ASEAN dalam kalangan anak-anak muda yang bakal menjadi pemangkin serta pemimpin seni budaya di masa hadapan selain memupuk keharmonian serantau serta mengukuhkan pertukaran budaya.

Melalui kerjasama dengan rakan dialog pula, Malaysia telah mengemukakan cadangan projek kebudayaan **"ASEAN-China Heritage (Dimensions of National Arts) ACH DNA"** untuk mendapatkan pembiayaan bawah **"ASEAN China Cooperation Fund (ACCF)"**. Pada tahun ini, MOTAC telah melaksanakan program **"ASEAN-China Heritage (Dimensions of National Arts) ACH DNA"** Fasa 1, pada 9 hingga 13 September 2024 di Perlis dengan jayanya bersempena **"ASEAN-China Year of People-to-People Exchanges (ACYPPE)"**.

Kejayaan pelaksanaan projek ini bukan sahaja menyumbang kepada usaha memartabatkan seni budaya, tetapi juga memperkukuh hubungan baik antara negara anggota ASEAN dengan China. Delegasi Malaysia ke mesyuarat **"59th ASEAN-COCI"** tersebut diketuai oleh YBrs. Encik Nik Kamaruzaman Nik Husin, Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif), Kementerian Komunikasi (KKOM) merangkap **'focal point SCI'** manakala MOTAC diwakili oleh YBrs. Dr. Christina Yeo Ken Yin, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan MOTAC, selaku **'focal point SCC'**.

Turut hadir adalah wakil daripada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) atau Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR).



GEBYAR NUSANTARA 2024: PLATFORM KERJASAMA PELANCONGAN DAN BUDAYA SERANTAU



30 NOVEMBER 2024 - YB Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merasmikan Program Gebyar Nusantara 2024 yang diadakan di Raintree TRX, Kuala Lumpur. Program anjuran Kedutaan Besar Republik Indonesia ini mengetengahkan kekayaan budaya Indonesia sambil mengukuhkan kerjasama pelancongan dan ekonomi kreatif antara Malaysia dan Indonesia.

Sebagai negara jiran yang berkongsi warisan budaya, Malaysia dan Indonesia terus mempererat kerjasama dalam sektor pelancongan. Gebyar Nusantara 2024 menjadi platform untuk meneroka peluang baharu, termasuk pakej pelancongan dua negara dan inisiatif di bawah Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT). Bersama-sama, kita mempromosikan pertukaran budaya dan kesatuan serantau.

MOTAC komited untuk memperkukuh hubungan dengan Indonesia dalam pelancongan, seni dan budaya. Program Gebyar Nusantara 2024 merupakan pemangkin kepada inisiatif bersama yang mempamerkan warisan serantau kita dan memacu pertumbuhan ekonomi serantau. Tahniah diucapkan kepada pihak penganjur atas kejayaan acara ini.





SESI LIBAT URUS MM2H: PENDEKATAN PROAKTIF BAGI MEMACU KEJAYAAN MM2H DI PERINGKAT ANTARABANGSA




26 NOVEMBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengadakan Sesi Libat Urus MM2H: Pendekatan Proaktif bagi memacu kejayaan MM2H di peringkat antarabangsa. Sesi ini bertujuan untuk mendengar maklum balas, cadangan dan isu-isu yang dihadapi oleh pengendali program Malaysia My Second Home (MM2H) serta mencari penyelesaian terbaik untuk memperbaiki pelaksanaan program ini.

MOTAC akan terus memantau operasi pengendali MM2H agar setiap perkhidmatan yang diberikan adalah telus, cekap dan selari dengan syarat-syarat yang ditetapkan. MOTAC komited memberikan sokongan kepada semua pihak yang terlibat dalam program MM2H. YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya berharap agar promosi program ini dijalankan dengan baik dan secara profesional demi menarik lebih ramai peserta yang berkualiti, seterusnya memberi impak positif kepada ekonomi negara.

PENYATAAN DASAR KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

“MEMACU SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN YANG BERDAYA SAING DAN LESTARI DEMI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA”



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA,
NO. 2, MENARA 1, JALAN P5/6,
PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA**

f @ X d y mymotac | www.motac.gov.my

